

27/04/1999

Jangan terkeliru dengan tohmahan: Zaharah

SUNGAI BESAR, Isnin - Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menggesa ahli Umno supaya tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai tohmahan yang dilemparkan pihak tertentu terhadap pemimpin yang bertujuan mengelirukan rakyat.

Beliau berkata, tohmahan itu termasuk yang dilempar oleh orang luar kerana tidak mahu mengakui kebolehan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, rakyat jangan mudah terpedaya dengan tohmahan yang dilemparkan pihak terbabit yang sanggup melakukan apa juga cara untuk memenuhi cita-cita dan niat melihat negara dalam keadaan porak-peranda.

"Umno selaku peneraju utama negara bertanggungjawab sepenuhnya untuk memperbetulkan segala tohmahan dari dalam dan luar negara.

"Kita mempunyai bukti secukupnya bagi menangkis dan juga membuktikan segala tohmahan yang dilemparkan itu tidak berasas dan sengaja diadadakan," katanya ketika merasmikan Persidangan Tahunan Pergerakan Wanita Umno bahagian Sabak Bernam dekat sini.

Sehubungan itu, katanya, ahli Umno di peringkat cawangan dan bahagian jangan mudah terpedaya dengan cerita yang tidak jelas sebaliknya patut bersyukur kerana negara ini dikurniakan pemimpin yang tangkas dan berhemah tinggi.

(END)